

Rujukan Kami : UniSZA. P/2/PP/604-1(3)

Bertarikh : 16 Mei 2018

Bersamaan : 30 Syaaban 1439H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Staf
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018:
PEMBERHENTIAN PENGGUNAAN LOGO 1 MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan intipati Mesyuarat Khas YAB Perdana Menteri bersama semua Ketua Setiausaha Kementerian pada 14 Mei 2018 adalah dirujuk.

2. Untuk perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan, **semua penggunaan logo 1 Malaysia sama ada untuk kepala surat (*letterhead*), baju korporat, sijil dan sebagainya hendaklah dihentikan.** YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan juga diminta memastikan agar **semua gambar-gambar pemimpin sebelum ini yang digantung di PTj masing-masing diturunkan serta merta.**

3. Bagi penggunaan kepala surat (*letterhead*) UniSZA tanpa logo 1 Malaysia, YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan boleh merujuk kepada **contoh surat** yang dilampirkan bersama-sama pekeliling ini. Pihak PTj diminta untuk membuat pindaan terhadap nama dan alamat PTj pada *letterhead* tersebut. Mohon kerjasama Ketua PTj untuk memantau dan memastikan arahan ini dipatuhi.

Semoga perkara ini berada dalam perhatian, makluman dan tindakan YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Ilmu dan Akhlak”

Saya yang menuruf perintah,


ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar

Rujukan Kami : UniSZA.C/2/PKK/649 Jld. 4 (29)
Bertarikh : 14 Mei 2018
Bersamaan : 28 Syaaban 1439H

XXXXXXXXXX

UniSZA KAMPUS GONG BADAK

Tuan,

**PINDAAN TARIKH DAN MASA KE MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN FOTOGRAFI, VIDEO PROMO DAN SENI KHAT 2017**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Fotografi, Video Promo dan Seni Khat 2017 yang di jadualkan pada 15 Mei 2018 ditunda seperti ketetapan berikut :

Tarikh/Hari : 16 Mei 2018 / Rabu
Masa : 2.30 petang
Tempat : Pejabat Naib Canselor
UniSZA Kampus Gong Badak

3. Sehubungan itu, Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan penuh takzimnya menjemput tuan untuk hadir ke majlis tersebut. Pihak Pengurusan UniSZA mengucapkan tahniah diatas kemenangan tuan.

Perhatian dan kehadiran tuan dalam majlis ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Ilmu dan Akhlak”

Saya yang menurut perintah,

XXXXXXXXXX

Jawatan

s.k. :  YBhg. Dato' Naib Canselor
 Fail